

OK

2

Ucapan: ADHO
573
192/80

Saya dahului dengan ucapan setinggi-tingginya
UCAPAN YANG BERHURMAT MENTERI PELAJARAN,
DATUK HUSSEIN ONN, SELAKU YANG DIPERTUA MSSM
DALAM UPACARA PENUTUP PERTANDINGAN BOLASEPAK
MSSM 1973 DI STADIUM SULTAN MOHAMED IV
KOTA BHARU, PADA 5 APRIL, 1973 JAM 5.00 PTG.

.....

yang telah beriangkuh semasa 5 April, inilah kali
yang keduanya, MSSK telah memberi kerjasama dan sokongan
dalam menjayukan pertandingan ini bagi pihak MSSM.

2. Dalam tahun 1970, satu pesta pertandingan Bolasepak yang besar-besaran, telah diadakan di Kota Bharu, meliputi 3 peringkat umur; bawah 20 tahun untuk merebut Piala Rahman dan bawah 16 tahun dan 12 tahun. Sejak tahun 1972 lagi, pertandingan Bolasepak MSSM dipecahkan kepada 2 bahagian; satu ialah untuk peringkat 18 tahun kebawah untuk merebut Piala Rahman, dan yang satu lagi sebagaimana yang kita semua saksikan dalam masa 3 hari ini, iaitu untuk umur 15 tahun dan 12 tahun kebawah.

3. Pertandingan Piala Rahman yang menggantikan pertandingan bawah 20 tahun itu, diadakan di-Seremban sekarang ini, di mana keseluruhan negeri-negeri di Malaysia turut mengambil bahagian. Sungguh pun secara pertandingan di Kota Bharu ini tidak dijalankan sapertimana yang diadakan di Seremban itu, tetapi saya yakin hakikatnya adalah sama jua, di mana MSSM juga telah membuka jalan untuk pemain-pemainnya yang lebih muda, turut serta menunjukkan bakat dan kehandalan masing-masing, sesuai dengan peringkat umurnya. Dari ~~semasa~~ ke semasa, MSSM senantiasa berusaha untuk membolehkan murid-murid sekolah di seluruh Malaysia, supaya mempunyai dan memperolehi peluang yang sama menunjukkan kebolehan mereka.

4. Sejak tahun 1970, apabila MSSM buat pertama kalinya menganjur pertandingan Bolasepak Sekolah-Sekolah Antarabangsa di Kuala Lumpur, peluang dan kesempatan telah dibuka bagi murid-murid yang baik permainannya dan berkebolehan tinggi mewakili Malaysia dalam Peringkat-Peringkat umur kebawah 18 dan 15 tahun. Tahun ini, sekali lagi MSSM akan menghantar pasukan-pasukannya ke luar negeri. Pada tahun ini juga, saya berharap agar pasukan-pasukan kita, khasnya dibawah 15 tahun, berjaya untuk menggondol kejuaraan yang belum pernah kita capai itu. Saya yakin benar tentang kebolehan kita, kerana mutu permainan yang telah ditunjukkan dalam beberapa hari ini, sangat-sangatlah memuaskan dan mencapai taraf yang tinggi. Kepada bakal-bakal pemain yang akan dipilih untuk mewakili Malaysia, saya menggesa supaya berlatih dan bermain ber-sungguh-sungguh untuk mengharumkan nama Malaysia kelak, serta merebutkan kembali piala-piala kejohanan yang pada mulanya dimenangi oleh pasukan kita.

x x x


5. Di samping mengadakan pertandingan-pertandingan seperti ini, MSSM juga telah mengendalikan kursus kejurulatihan bolasepak untuk guru-guru di tiap-tiap negeri, bagi melengkapkan mereka dengan aspek-aspek baru dan berkemajuan dalam segi permainan itu. Saya berharap sangat-sangat, semoga guru-guru yang berpeluang dan yang telah menghaziri kursus-kursus itu, agar mencurahkan pula segala yang dipelajarinya kepada guru-guru lain serta murid-murid di daerah masing-masing. Dengan cara ini, tidaklah ketinggalan bagi guru-guru dan murid-murid dari luar bandar, bersama-sama menikmati ajaran-ajaran serta teknik-teknik yang baik dalam permainan bolasepak ini. Mungkin didalam satu masa yang singkat nanti, seluruh murid sekolah kita yang bermain bolasepak, akan dapat bermain dengan lebih teratur dan bersistem menurut latihan-latihan yang moden dan bersaintifik itu.

6. Menganjur pertandingan sukan seperti yang diuruskan oleh MSSM dan MSSK ini, adalah memerlukan masa dan tenaga yang banyak. Kita telah mula memungut wang seringgit seorang daripada tiap-tiap seorang murid apabila mereka masuk darjah I di Sekolah-Sekolah Rendah mulai dari tahun 1968. Bayaran ini adalah dikenakan sekali sahaja dalam masa persekolahan murid itu.

7. Saya juga sangat gembira memerhatikan murid-murid dari semua gulungan, mengambil bahagian dalam pertandingan hari ini. Selain daripada sama-sama mencuba dan mengejar kemenangan, semangat muhibah yang tulin telah dijalinkan di antara satu sama lain. Sememangnya permainan bolasepak ini satu permainan yang digemari oleh semua gulungan. Apa yang saya ingin tekankan di sini ialah, konsep perpaduan, yang boleh juga dicapai dalam permainan-permainan lain, seperti mana yang diperolehi dalam permainan bolasepak ini. Selain daripada perpaduan yang hendak kita capai dalam lapangan sukan itu, semangat yang keras dan dedikasi yang tulin serta tingkahlaku yang penuh berdisiplin, hendaklah ditanamkan oleh tiap-tiap orang guru kepada murid-murid mereka, dan seterusnya murid-murid hendaklah diberi pengertian yang penuh akan hakikat ini. Dengan cara inilah, satu pasukan Malaysia yang kuat dalam semua segi dapat kita adakan nanti.

8. Saya suka mengambil kesempatan di sini, untuk mengingatkan bahawa MSSM ialah suatu badan sukan untuk murid-murid sekolah yang berbeza dengan persatuan-persatuan atau badan-badan sukan negeri atau pun kebangsaan, yang memajukan ~~satu~~ bidang sukan sahaja. MSSM memberi pengalaman dan mendedahkan murid-murid untuk memilih mana-mana permainan yang mereka cenderung, sambil memperbaiki kesihatan jasmani mereka. Apa yang kita perlukan ialah, otak yang cergas dalam badan yang sihat. Untuk melatih pada peringkat-peringkat yang lebih baik dan tinggi, terserahlah kepada persatuan-persatuan atau badan-badan negeri dan kebangsaan yang berkenaan, bagi membimbing mereka selepas mereka berhenti sekolah kelak.

9. Dengan berakhirnya pertandingan bolasepak hari ini, saya berharap pasukan-pasukan negeri yang turut serta akan dapat membawa kembali kenangan yang manis dan mesra ke negeri masing-masing. Kanak-kanak sekelian telah mencuba kekuatan dan kebolehan masing-masing dan mestilah menerima segala keputusan yang telah tercapai. Kepada pasukan-pasukan negeri yang tidak sebegitu bernasib baik, janganlah berputus asa, kerana peluang masa hadapan itu masih ada. Kepada pasukan-pasukan yang berjaya saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah.



9. Dengan berakhirnya pertandingan bola sepak

hari ini, saya berharap pasukan-pasukan negeri yang

turut serta akan dapat membawa kembali kenangan yang

manis dan merta ke negeri masing-masing. Kanak-kanak

sekelian telah menanda kekuatan dan kebolehan masing-

masing dan mestilah menerima segala keputusan yang telah

tercapai. Kepada pasukan-pasukan negeri yang tidak

sebegitu bernasib baik, jangalah bertutur asa kerana

peluang masa hadapan itu masih ada. Kepada pasukan-

pasukan yang berjaya saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah.



No Siri	539
No Penerimaan	184 / 80